

17/02/2003

Malaysia kecewa Qatar jaga kepentingan sendiri

Ridzuan Yop

KUALA LUMPUR: Keputusan Qatar sebagai Pengerusi Pertubuhan Negara Islam (OIC) yang menolak cadangan Malaysia dan Iran untuk mengadakan sidang khas

krisis Iraq sempena Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 di Kuala Lumpur dilihat sebagai mahu menjaga kepentingan strategik mereka.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), Abdul Razak Baginda, berkata negara terbabit bimbang jika keputusan dibuat pada

sidang khas itu atau berlakunya peperangan di Iraq boleh mengancam kedudukan mereka.

Penganalisis politik antarabangsa itu, berkata kebimbangan itu juga turut dirasakan beberapa negara lain dalam OIC, terutama di rantau Teluk seperti Kuwait, Arab Saudi, Mesir, Turki serta beberapa negara Arab lain yang ada kepentingan dengan Amerika Syarikat.

Katanya, cadangan Malaysia bagi membincangkan isu Iraq lebih bersifat kemanusiaan bagi membantu negara terbabit yang kemungkinan menghadapi serangan Amerika, sebaliknya bagi Qatar ia lebih bersifat kepentingan strategik.

"Selain bimbang kesan terhadap negara masing-masing dengan keputusan yang bakal dibuat pada sidang khas itu, ia juga memberi kesan dalaman politik negara mereka jika Iraq diserang Amerika," katanya sini, semalam mengulas pendirian Qatar sebagai Pengerusi OIC, yang menolak diadakan sidang khas sempena NAM.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyatakan rasa kecewanya dengan sikap Qatar, menolak cadangan Malaysia dan Iran bagi

mengadakan sidang khas itu sempena NAM di Kuala Lumpur yang bermula Khamis

ini dengan mesyuarat peringkat pegawai kanan.

Dr Mahathir berpendapat banyak ketua negara OIC yang juga menganggotai NAM akan berada di Kuala Lumpur sempena sidang itu dan ia peluang bagi pemimpin berjumpa dan berbincang mengenai krisis Iraq.

Perdana Menteri juga menjelaskan Presiden Iran, Mohammad Khatami turut menghubunginya melalui telefon baru-baru ini, bagi mencadangkan diadakan sidang tergepar khas itu sempena NAM.

Daripada 114 negara anggota NAM, sidang kemuncak kali ini dihadiri 40 ketua negara OIC. OIC dianggotai 56 negara dan kali terakhir ia mengadakan

sesi khas ialah pada April tahun lalu di Kuala Lumpur bagi membincangkan isu keganasan.

Razak berkata, tidak dinafikan kesan peperangan terhadap Iraq akan memberi kesan yang besar terhadap negara Teluk Parsi tempat krisis berlaku, berbanding Malaysia yang agak jauh dari rantau berkenaan.

Beliau berkata, sebelum ini, Iraq turut memberi amaran jika negara itu diserang Amerika, Kuwait juga terheret sama dalam kancah peperangan itu dan ini membimbangkan mereka.

Katanya, usaha Malaysia untuk menganjurkan sidang khas itu adalah baik

walaupun lebih bersifat kemanusiaan bagi membantah peperangan serta mencari jalan terbaik menyelesaikannya terutama melalui OIC.

"Bagaimanapun, usaha mengadakan sidang khas itu tidak wajar hanya tinggal di atas kertas tanpa mencapai sesuatu, tetapi perlu usaha lebih kuat bagi merealisasikannya," katanya sambil tidak menafikan keikhlasan Malaysia untuk menganjurkan sidang khas itu.

Razak berkata, semua pihak perlu memahami kedudukan negara terbabit terutama di rantau Teluk yang terbabit secara langsung dalam peperangan jika Amerika menyerang Iraq.